UUM/AA88/UM/22.10.2026/P:15(1-5)

UUM NEWS HIGHLIGHTS

☐ New Straits Times ☑ Utusan Malaysia ☐ Kosmo! ☐ BH
☐ Sinar ☐ Star ☐ Metro

Date: 22/10/2026 Page: 15

Belanjawan 2027 perkukuh daya saing PMKS



EZANEE MOHAMED ELIAS

BELANJAWAN 2027 membuka ruang kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) memperkukuh daya saing dalam ekonomi yang semakin bergantung pada teknologi, inovasi dan kecekapan rantaian bekalan.

Cabaran perusahaan tempatan bukan sekadar mendapatkan modal tetapi membina keupayaan menghasilkan produk berkualiti, mencipta nilai baharu, menjaga reputasi dan menembusi pasaran lebih luas.

Peningkatan kemudahan pinjaman dan jaminan pembiayaan kepada RM57 bilion, pengurangan cukai pendapatan PMKS serta sokongan bagi pendigitalan, kecerdasan buatan (AI) dan eksport perlu dimanfaatkan secara menyeluruh.

Bagi industri halal, peluang ini turut berkait dengan pembangunan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), yang berpotensi menghubungkan pusat pengeluaran di Pantai Timur dengan Gombak dan Pelabuhan Klang di Pantai Barat.

Namun, bantuan kewangan hanya akan memberikan kesan berpanjangan apabila disertai perancangan perniagaan yang jelas, pelaburan bersesuaian dan pengurusan yang cekap.

Peningkatan kemudahan pinjaman dan jaminan pembiayaan daripada RM50 bilion kepada RM57 bilion memberi ruang lebih luas kepada perusahaan untuk mengembangkan operasi.

Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) dan Credit Guarantee Corporation (CGC) pula menyediakan jaminan pembiayaan sehingga RM32 bilion, dengan had jaminan sehingga RM50 juta bagi syarikat yang layak.

Kemudahan ini boleh membantu perusahaan berpotensi yang menghadapi kekangan cagaran, rekod kewangan atau modal. Bagaimanapun, dana perlu disalurkan kepada pelaburan yang mampu meningkatkan produktiviti dan keuntungan.

Pengusaha makanan halal, misalnya, boleh membeli mesin pembungkusan, menambah kapasiti penyimpanan dan menggunakan sistem kawalan suhu serta inventori. Syarikat logistik pula boleh memperbaharui kenderaan, memasang sistem penjejakan GPS dan menambah baik pengurusan gudang bagi mengurangkan perjalanan kosong serta mempercepat penghantaran.

> **"Cabaran perusahaan tempatan bukan sekadar mendapatkan modal tetapi membina keupayaan menghasilkan produk berkualiti..."**

Kejayaan pembiayaan tidak seharusnya diukur melalui jumlah pinjaman yang diluluskan semata-mata. Perubahan pada kos pengeluaran, aliran tunai, kapasiti operasi dan keuntungan perlu menjadi ukuran utama.

Pengurangan cukai turut menyediakan ruang untuk pelaburan. Kadar cukai bagi RM150,000 pertama pendapatan bercukai PMKS diturunkan kepada 14 peratus, manakala banjaran RM150,000 hingga RM600,000 diturunkan kepada 16 peratus. Langkah ini dijangka memberikan penjimatan sehingga RM6,000 kepada kira-kira 300,000 PMKS yang layak.

Penjimatan tersebut boleh dimanfaatkan untuk latihan pekerja, pembangunan produk, keselamatan siber dan pembelian peralatan. Kerajaan turut melanjutkan Elaun Modal Dipercepatkan bagi loji, jentera tempatan serta peralatan dan perisian teknologi maklumat dan komunikasi sehingga 31 Disember 2030.

Walau bagaimanapun, manfaat cukai bergantung pada kelayakan dan kedudukan kewangan setiap syarikat. Perancangan pelaburan perlu dibuat berdasarkan pengiraan sebenar, bukannya andaian bahawa semua perusahaan akan menerima penjimatan maksimum.

Bagi usahawan mikro, pembiayaan RM6.6 bilion pula membuka peluang mendapatkan modal untuk membeli peralatan, menambah stok dan memperbaiki premis. Saluran seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN Nasional dan Bank Simpanan Nasional (BSN) menyediakan kemudahan mengikut program serta kumpulan sasaran.

Pengusaha makanan dari rumah, misalnya, boleh meningkatkan kapasiti pengeluaran dengan peralatan sesuai, manakala peniaga dalam talian boleh menggunakan pembayaran digital dan rekod jualan untuk mengenal pasti produk paling laris. Pengurusan yang lebih teratur membantu mengurangkan pembaziran serta menyediakan asas kewangan bagi perkembangan perniagaan seterusnya.

Peruntukan RM30 juta melalui Malaysia Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bagi membantu 4,000 PMKS menerapkan AI dan automasi boleh menjadi pemangkin perubahan operasi.

Teknologi ini membantu perusahaan meramal permintaan, menganalisis jualan, mengurus inventori dan mempercepat pemprosesan pesanan.

Dalam sektor logistik, AI boleh digunakan untuk menyusun laluan penghantaran, menjadualkan kenderaan dan meramal keperluan penyelenggaraan.

Internet kebendaan (IoT) pula membolehkan suhu serta kelembapan dipantau bagi memastikan produk sensitif disimpan dalam keadaan sesuai.

PMKS tidak perlu terus melabur dalam sistem mahal. Perisian inventori atau analitik jualan yang mudah digunakan mungkin sudah memadai untuk menyelesaikan masalah utama. Latihan pekerja, keselamatan siber dan perlindungan maklumat pelanggan juga perlu diberi perhatian supaya pelaburan teknologi benar-benar membawa hasil.

Produktiviti yang meningkat perlu disertai kreativiti agar perusahaan tidak hanya bersaing melalui harga. Pembiayaan boleh digunakan untuk memperbaiki pembungkusan, menguji produk baharu dan menghasilkan barangan yang memenuhi keperluan pasaran tertentu, termasuk makanan sejuk beku, kosmetik serta produk penjagaan diri.

Bagi produk halal, kualiti dan integriti sepanjang rantaian bekalan menjadi asas kepercayaan. Rekod bahan mentah, kawalan suhu, kebolehkesanan dan pematuhan pensijilan membantu memastikan mutu produk kekal konsisten.

Belanjawan 2027 turut menyediakan geran padanan sehingga RM5,000 bagi PMKS yang mendapatkan pensijilan halal buat kali pertama, selain geran sehingga RM25,000 untuk memperkasa PMKS halal dalam bidang seperti kosmetik dan farmaseutikal.

EKSPORT, ECRL BUKA RUANG PASARAN LEBIH LUAS

Pembiayaan eksport RM1 bilion melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), bersama peruntukan RM60 juta kepada Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), menyediakan sokongan kepada syarikat tempatan yang mahu meneroka pasaran antarabangsa.

Kemudahan ini boleh membantu perusahaan meningkatkan kapasiti, memperkemas pembungkusan dan memenuhi keperluan dokumentasi eksport. MATRADE pula boleh menyokong promosi perdagangan serta memperkenalkan syarikat kepada pasaran sasaran melalui program yang tersedia.

Namun, pengembangan eksport perlu berasaskan permintaan sebenar, standard negara destinasi, kos logistik dan keupayaan memenuhi pesanan secara konsisten.

Perusahaan wajar mengenal pasti pasaran khusus, membina rangkaian pengedar dan menilai kos sebelum meningkatkan pengeluaran.

Peluang ini akan lebih bermakna jika disokong sistem pengangkutan yang cekap. ECRL berpotensi menghubungkan pusat pengeluaran di Pantai Timur dengan Gombak dan seterusnya Pelabuhan Klang. Namun, manfaatnya bergantung pada kadar tambang, jadual operasi, kemudahan terminal dan hubungan dengan pengangkutan jalan raya.

PMKS perlu bersedia melalui pengurusan inventori digital, pembungkusan sesuai dan penyelarasan penghantaran.

Syarikat logistik pula boleh menyediakan perkhidmatan penghantaran awal dan akhir, pusat pengumpulan barangan serta gudang yang memenuhi keperluan pengendalian produk halal.

Sebagai contoh, pengusaha makanan dari Kelantan atau Terengganu boleh menggabungkan penghantaran produk daripada beberapa pengeluar kecil ke pusat pengedaran di Pantai Barat. Penggunaan kemudahan bersama berpotensi mengurangkan kos, bergantung pada jumlah kargo dan kesesuaian jadual.

Gabungan sistem penjejakan, kod QR dan pemantauan suhu dapat memperkukuh kebolehkesanan produk. Jika dirancang dengan baik, rangkaian ini mampu menghubungkan pengeluar, pengangkut, pengedar dan pengimport dengan lebih cekap.

Pada masa sama, pelaksanaan gaji minimum RM2,000 mulai Jun 2027, menuntut perusahaan meningkatkan produktiviti dan kemahiran pekerja. Automasi perlu membantu mengurangkan kerja berulang, bukannya dilihat semata-mata sebagai cara mengurangkan tenaga kerja. Kemahiran dalam kawalan kualiti, penyelenggaraan mesin dan pengurusan logistik boleh meningkatkan nilai sumbangan pekerja.

Perusahaan juga perlu memahami syarat rasmi berkaitan ambang hasil jualan RM50 juta yang dikaitkan dengan pengecualian PMKS. Matlamatnya ialah membina perniagaan yang mampu menampung kos, mengekalkan pekerja mahir dan terus melabur.

Kejayaan Belanjawan 2027 bukan sekadar terletak pada jumlah dana yang disediakan atau bilangan penerima bantuan. Ukuran lebih bermakna ialah peningkatan produktiviti, penghasilan produk berkualiti dan keupayaan menembusi pasaran baharu.

DR. Ezanee Mohamed Elias ialah Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik, Universiti Utara Malaysia (UUM).